

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

14

Nasional

Wujudkan segera dasar antibuli doktor

Elak bimbingan kepada pelatih punca suasana kerja toksik

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu melaksanakan dasar antibuli bagi mengatasi amalan itu terhadap doktor pelatih dan kakitangan kesihatan di negara ini.

Ketua Penerangan UMNO Sabah, Datuk Suhaimi Nasir, berkata perkara itu perlu diberi perhatian serius berikutan pendedahan mengenai amalan buli yang berlaku di hospital kerajaan.

Katanya, laporan mengenai doktor pelatih yang menjadi mangsa buli di sebuah hospital di Sabah tidak sepatutnya berlaku, lebih-lebih lagi dalam sektor kesihatan yang bertanggungjawab menjaga kesejahteraan dan nyawa rakyat.

Beliau berkata, pendedahan doktor pelatih mengenai pengalaman mereka menjadi mangsa buli secara fizikal dan lisan dengan dihambur kata-kata kesat dan lucah, selain diancam dengan senjata tajam oleh ketua unit perlu ditangani segera.

"Kekurangan kemahiran kepimpinan dan komunikasi dalam kalangan doktor pakar menyumbang kepada suasana kerja yang toksik apabila bimbingan yang sepatutnya diberikan bertukar



Keratan akhbar BH Rabu lalu.

menjadi buli.

"Sesetengah doktor pakar mungkin tidak menyedari bahawa pendekatan mereka bukan bimbingan yang membina, tetapi sebenarnya membebankan dan menekan doktor pelatih secara tidak wajar.

"Sehubungan itu, kerajaan terutama kementerian perlu segera melaksanakan dasar antibuli khas untuk menangani isu ini secara serius," katanya dalam kenyataan, di sini.

Siasat dan awasi gejala buli

Ahli Parlimen Libaran itu berkata, penubuhan jawatankuasa bebas bagi menyiasat dan mengawasi gejala buli juga amat diperlukan untuk memastikan ketelusan dan keadilan dalam setiap kes yang dilaporkan.

Katanya, ia penting agar tiada lagi kakitangan kesihatan yang menjadi mangsa dan setiap aduan dapat diambil tindakan sewajarnya tanpa rasa takut atau tekanan daripada pihak atasan.

Suhaimi juga menekankan pentingnya pelaksanaan program bimbingan dan latihan kepimpinan lebih komprehensif untuk melahirkan doktor pakar yang bu-

kan sahaja cemerlang dalam bidang perubatan, tetapi juga memiliki kemahiran komunikasi dan kepimpinan yang efektif.

"Persekitaran kerja yang selamat, positif dan produktif harus diwujudkan demi menyokong perkembangan kerjaya doktor pelatih serta memastikan mutu perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

"Kita berharap kerajaan dapat ambil tindakan segera bagi mengatasi gejala buli ini dan melaksanakan perubahan yang perlu dalam sektor kesihatan negara," katanya.

Sebelum ini, BH mendedahkan beberapa doktor menjadi mangsa buli secara verbal dan fizikal di sebuah hospital apabila dihambur kata-kata kesat, lucah serta penghinaan kaum, selain pernah diancam senjata tajam jika tidak mematuhi arahan ketua unit.

Malah, mereka sering dimalukan di hadapan pesakit apabila kemahiran profesional diperlekeh secara terbuka oleh doktor pakar.

Kerajaan terutama kementerian perlu segera melaksanakan dasar antibuli khas untuk menangani isu ini secara serius



Suhaimi Nasir,
Ketua Penerangan
UMNO Sabah

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Kosmo/ Ahad 8 SEPTEMBER 2024

Negara/ 7

Klinik Kesihatan Kampung Pandan perlu diberi perhatian

KUALA LUMPUR – Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani mahu isu kepadatan pesakit di Klinik Kesihatan (KK) Kampung Pandan diberi perhatian dalam peruntukan Belajawan 2025 yang akan dibentangkan bulan depan.

Kata Johari, beliau sudah membawa isu tersebut kepada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk dibentangkan kepada Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Ekonomi bagi mengambil langkah selanjutnya.

"Sebagai Ahli Parlimen Titiwangsa, saya beri tumpuan kepada KK Kampung Pandan sebab terlampau padat. Dahulu boleh menampung 300 hingga 600 pesakit sehari, tetapi sekarang menerima lebih 1,000 pesakit.

"Kawasan ini semakin berkembang dan ramai pesakit menerima rawatan di situ bukan hanya penduduk Kampung Pandan. Pesakit luar seperti Pandan dan Ampang juga datang sehingga



JOHARI (dua dari kiri) bergambar selepas Majlis Perasmian Hari Ekzema Sedunia 2024 di Hospital Kuala Lumpur semalam.

terpaksa pakai kontena kerana terlalu sesak.

"Sebab itu saya sudah membawa perkara ini kepada KKM

dan sudah bercakap dengan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli

yang menjaga soal infrastruktur ini untuk dia tengok bagaimana kita boleh menyelesaikan isu ini," katanya selepas Majlis Perasmian Hari Ekzema Sedunia 2024 di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Sub Keperawatan Dermatologi KKM, Dr. Azura Mohd. Affandi serta Timbalan Pengarah (Perubatan) HKL, Dr. Shahrum Ismail.

Johari berkata, setakat ini Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan sudah mengenal pasti tanah kosong di Cochrane yang berkemungkinan berpotensi untuk menggantikan kemudahan sedia ada.

"Saya juga sudah berbincang dengan pihak Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan dan mereka sudah mengenal pasti ada tanah di Cochrane.

"Jadi, saya kata seharusnya ambil peluang itu untuk buat klinik lebih selesa bagi menggantikan tempat dan kemudahan yang sedia ada sekarang," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

16 **Negara!**



SEBAHAGIAN daripada 1,000 peserta yang menyertai program Jalan Santai di sekitar Klinik Kesihatan Seberang Takir, Kuala Nerus semalam.

Separuh rakyat Terengganu gemuk

Obesiti menjadi-jadi

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA NERUS – Jumlah penduduk di negeri ini yang menghidap penyakit diabetes dan darah tinggi meningkat pada tahun ini ekoran obesiti kerana gagal mengamalkan kehidupan sihat dengan bersenam dan menjaga pemakanan.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, mereka merupakan golongan yang berusia antara 25 hingga 50 tahun atau bersamaan dengan 51 peratus orang dewasa.

Katanya, ia berbeza pada 2019 (49 peratus) dan 2015 (47.5) menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan.

“Boleh dikatakan satu daripada dua orang dewasa di Terengganu berdepan masalah obesiti atau berat badan berlebihan,” katanya selepas merasmikan program Jalan Santai 10,000 Langkah di Klinik Kesihatan Seberang Takir di sini semalam.

Menurut Dr. Kasemani, obesiti telah meningkatkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan tekanan darah tinggi.

Tambahnya, semakin ramai penduduk Terengganu didiagnos diabetes dan darah tinggi saban tahun.

“Kita telah mengambil inisiatif meningkatkan kesedaran awam untuk mengamalkan gaya hidup sihat melalui senaman teratur serta pemakanan berkhasiat,”

katanya.

Ujar Dr. Kasemani, ia termasuk penganjuran program FunWalk dengan peserta disediakan demonstrasi penyediaan makanan sihat dan berpeluang menjalani saringan awal pemeriksaan kesihatan.

Dalam perkembangan lain, Dr. Kasemani mengesahkan Terengganu masih bebas dari sebarang jangkitan cacar monyet (mpox) setakat ini.

“Namun kita membuat persiapan rapi dengan memberi taklimat kepada pegawai dan kakitangan di semua fasiliti kesihatan berhubung bahaya jangkitan itu.

“Kita sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan,” katanya.

AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : LOKAL

Metro Ahad | 08.09.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 11

lokal

SUSULAN TINDAKAN SAMBIL LEWA KONTRAKTOR DEWAN SELERA MRSM TAIPING KONTRAK DITAMATKAN!

Ipoh

Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan menamatkan kontrak kontraktor dewan selera Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping dan mengambil tindakan undang-undang, susulan tindakan sambil lewa kontraktor itu dalam penyediaan makanan kepada pelajar institusi tersebut.

Pengerusi MARA Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki (*gambar*) berkata pihaknya tidak akan berkompromi dengan kontraktor berkenaan, yang didapati mengambil ringan soal kebersihan dan melanggar terma-terma kontrak.

"Saya sebagai pengerusi amat tegas bahawa kita ti-

dak ada kompromi.

"... kerana kita nak memberi isyarat juga kepada mana-mana kontraktor yang lain yang mengambil pendekatan sambil lewa sehingga boleh memberikan kesan dan mengancam soalan nyawa, kesihatan dan juga kepada kesejahteraan anak-anak kita yang sedang belajar," katanya pada sidang media di Hotel Casuarina di sini malam kelmarin susulan pemeriksaan mengejut beliau di dewan selera MRSM Taiping itu pada Khamis.

Beliau berkata pemeriksaan mengejut itu susulan laporan ibu bapa mengenai anak-anak mereka yang terkena keracunan makanan akibat makanan

disediakan di dewan selera itu dan perkara itu berulang biarpun telah disita oleh Pejabat Kesihatan Daerah Larut, Matang dan Selama.

Pada kejadian terbaharu dewan selera itu diarah tutup oleh Pejabat Kesihatan Daerah Larut, Matang dan Selama (PKD LMS) pada 30 Ogos, apabila 62 pelajar terkena keracunan makanan.

Namun ia dibuka semula beberapa

hari kemudian, selepas pemeriksaan mendapati tahap kebersihannya berada pada tahap memuaskan.

Sementara itu Asyraf berkata pihaknya dimaklumkan Kementerian Kesihatan telah mengarahkan dewan selera itu ditutup mulai hari ini sehingga 20 Sept ini.

Mengulas mengenai pelanggaran syarat kontrak, be-

liau berkata kontraktor berkenaan didapati melakukan beberapa kesalahan antaranya tidak menyediakan pekerja mencukupi dan tidak menyediakan menu makanan seperti dipersetujui.

"Jika diikutkan pekerja perlu ada 19 orang mengikut nisbah seorang pekerja menyelia 50 orang pelajar, namun ketika lawatan hanya ada tujuh pekerja sahaja, menu pula sepatutnya hidangan ikan tenggiri, tetapi didapati hidangan ikan yang lain," katanya.

Beliau berkata kontraktor juga didapati memberikan tugas pengendalian makanan itu kepada pihak lain.

Justeru, Asyraf berkata

tindakan undang-undang akan diambil termasuk tindakan saman.

Sementara itu, beliau dengan tegas berkata beliau tidak sesekali gentar mengambil tindakan ke atas kontraktor tersebut, walaupun dikatakan pihak itu mempunyai hubungan dengan pihak berkepentingan.

Beliau juga mengingatkan semua kontraktor penyedia makanan di dewan selera 57 MRSM di seluruh negara, kerana terdapat trend kontraktor tidak menyediakan makanan mengikut apa yang telah ditetapkan apabila kontrak mereka hampir tamat, kontraktor terlibat juga akan berdepan tindakan yang sama.



51% alami obesiti

Kuala Nerus: Sebanyak 51 peratus daripada golongan dewasa di Terengganu mengalami masalah obesiti atau lebih berat badan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) Datuk Dr Kasemani Embong berkata data itu hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) tahun lepas.

Beliau berkata kadar obesiti di Terengganu juga didapati meningkat iaitu daripada 47.5 peratus pada 2015 kepada 49 peratus pada 2019.

"Masalah obesiti atau lebih berat badan paling tinggi dalam kalangan individu berusia 25 hingga 50 tahun. Boleh dikatakan satu daripada dua dewasa

di Terengganu berdepan masalah berkenaan.

"Situasi ini agak merisaukan kerana boleh membawa risiko penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis dan darah tinggi yang turut mencatatkan peningkatan kes setiap tahun," katanya selepas merasmikan Sambutan Funwalk 10,000 Steps & Wellness Hub Open Day di Klinik Kesihatan Seberang Takir di sini semalam.

Seramai 1,000 peserta termasuk warga JKNT dan komuniti setempat menyertai acara itu yang bertujuan membudayakan gaya hidup sihat melalui senaman serta pemakanan.

AKHBAR : METRO AHAD
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : LOKAL

16 www.hmetro.com.my [@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy) [HarianMetro](https://www.facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://www.instagram.com/hmetromy)

08.09.2024 | Metro Ahad

lokal

DULU 300, KINI 1,000 PESAKIT

Oleh Mahaizura
 Abd Malik
 mahaizura@mediapri-
 ma.com.my

**Ahli Parlimen Titiwangsa mahu isu lambakan pesakit
 di Klinik Kesihatan Kampung Pandan diberi perhatian**

Kuala Lumpur

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani mahu isu lambakan pesakit di Klinik Kesihatan Kampung Pandan di sini, diberi perhatian dalam peruntukan Belanjawan 2025 yang dibentangkan bulan depan.

Johari berkata, beliau membawa isu berkenaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk penelitian Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Ekonomi bagi tindakan selanjutnya.

"Untuk Hospital Kuala Lumpur (HKL), mereka buat permohonan sendiri (kepada KKM). Tetapi bagi saya sebagai Ahli Parlimen Titiwangsa, saya beri penumpuan kepada Klinik Kesihatan Kampung Pandan sebab terlampau sesak. Jika dulu boleh kendalikan 300 hingga 600 pesakit sehari sekarang terima lebih 1,000 pesakit.

"Sekarang kawasan itu



JOHARI merasmikan sambutan Hari Ekzema Sedunia 2024 di Hospital Kuala Lumpur. Turut sama, Dr Shahrum (dua dari kiri). - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

semakin berkembang kerana banyak (pesakit) bukan hanya Kampung Pandan, tetapi orang luar seperti Pandan dan Ampang sehingga perlukan kontena sebab terlampau ramai.

"Saya bawa permohonan

ini kepada KKM. Saya pun bercakap dengan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli yang menjaga soal infrastruktur untuk

**Purata lebih 100
 kes baharu ekzema
 dirujuk setiap bulan**

menyelesaikan isu ketidakselesaian di Klinik Kesihatan Kampung Pandan," katanya selepas Majlis Perasmian Hari Ekzema Sedunia

2024 di HKL di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Sub Kepakaran Dermatologi KKM, Dr Azura Mohd Affandi serta Timbalan Pengarah (Perubatan) HKL, Dr Shahrum Ismail. Mengulas lanjut, Johari

berkata, setakat ini Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan mengenal pasti tanah kosong di kawasan Cochrane kemungkinan potensi menggantikan kemudahan sedia ada.

"Saya juga berbincang dengan pihak Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan dan mereka mengenal pasti ada tanah di Cochrane.

"Jadi, saya kata seharusnya ambil peluang itu untuk buat kawasan (klinik) lebih selesa bagi menggantikan tempat (kemudahan) sekarang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Shahrum berkata, ekzema antara penyakit kulit kronik paling banyak dirawat di klinik dermatologi dengan purata lebih 100 kes rujukan baharu setiap bulan.

"Bagi 2023, lebih 5,000 pesakit ekzema dalam rawatan susulan di HKL.

"Jadi sebab itu, inisiatif hari ini (semalam) dilakukan bagi memberi pendanaan dan berkongsi dengan seramai mungkin orang awam terutama ibu bapa kepada pesakit mengenai penyakit ini," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION / NEWS



Titiwangsa member of parliament Datuk Seri Johari Abdul Ghani (centre), who is also plantation and commodities minister, launching the 2024 World Eczema Day at Kuala Lumpur Hospital yesterday. With him is hospital deputy director (medical) Dr Shahrizan Ismail (second from left). PIC BY ROHANIS SHUKRI

EXTREME OVERCROWDING

'Kg Pandan clinic must be expanded'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Johari Abdul Ghani wants the Health and Economy Ministries to look into extreme overcrowding at the Kampung Pandan government health clinic.

Johari, the Titiwangsa member of parliament and plantation and commodities minister, said the facility served more than 1,000 patients a day.

"Its capacity is between 300 and 600 patients, but thousands visit the clinic daily.

"Some of them are from outside of the Titiwangsa constituency, such as Pandan and Ampang.

"It has become so crowded that the clinic has to use shipping containers as makeshift treatment rooms."

He said this after launching the 2024 World Eczema Day at Kuala Lumpur Hospital here yesterday.

As the Kampung Pandan area developed, Johari added, the government health clinic would need to serve a larger population.

He said he had brought the matter up to the Health Ministry and Economy Minister Rafizi Ramli.

"I told him to take a look at how we can resolve the issue of over-

crowding and discomfort. There are just too many people."

Johari said the government health clinic was more than 40 years old and was due for an expansion.

"The situation in the clinic is chronic.

"We can see Petronas Twin Towers from the clinic, but once you enter the premises, you see the (shipping) containers.

"I've discussed this matter with the Federal Territories Health Department and it said it had identified land in Cochrane for the expansion," he added.